

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 28.03.17
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengubah keputusan supaya kesemua empat (4) buah LMS yang dirancang dibina di Negara China bagi mengelak kelewatan dan mendedahkan warga Malaysia sebagai pengguna dan pakar penyelenggara sahaja sebagaimana yang pernah dilakukan kepada pembinaan 4XMCMW di Itali, 4X2 FACM di Perancis begitu juga dengan lebih 12xPC yang dibina di United Kingdom.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan pembinaan empat (4) buah *Littoral Mission Ship* (LMS) telah dimuktamadkan iaitu dua (2) buah kapal LMS akan dibina di China dan dua (2) buah lagi dibina di Malaysia. Melalui pendekatan ini, pihak Boustead Naval Shipyard (BNS) dan TLDM dapat mempelajari teknologi pembinaan kapal dan perkongsian maklumat sekaligus mewujudkan pemindahan teknologi (*Transfer of Technology*) semasa proses pembinaan di China.